

**UCAPAN**  
**YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**  
**SEMPENA PERHIMPUNAN RAKSAKSA PENYAMPAIAN IJAZAH PSSLM**  
**PERINGKAT KEBANGSAAN KE-27, DI PADANG KOTA PULAU PINANG**  
**30 MEI 1999**

-----

Kita bersyukur kehadiran Allah, kerana dengan limpah kurnia-nya, kita semua dapat berkumpul pada petang yang bersejarah ini. Sesungguhnya, saya cukup merasa bangga, kerana silat yang menjadi warisan melayu sejak zaman berzaman terus subur, bukan lagi di kampung- kampung malah telah merebak dan membiak di kota-kota besar.

2. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada kepimpinan pertubuhan seni silat lincah Malaysia, khususnya kepada mahaguru dan pengasasnya, Dato' Haji Omardin Bin Mauju, yang saya kenal sejak 20 tahun yang lalu, iaitu ketika saya menjadi Timbalan Ketua Setiausaha di Kementerian Belia dan Sukan. Saya cukup kenal siapakah Dato' Haji Omardin dalam dunia persilatan. Beliaulah pewaris silat melayu yang tidak pernah merasa penat dalam melaksanakan apa yang diperjuangkannya.

3. Sebagaimana yang kita maklum, sejarah telah membuktikan, di mana pada abad-abad yang silam, para pendekarlah yang menjadi benteng bagi mempertahankan maruah dan kedaulatan ketuanan melayu daripada di ganggu-gugat oleh penjajah. Walaupun kita tewas ketika itu dan ramai pahlawan-pahlawan kita dibunuh dan diburu oleh penjajah, tetapi semangat kepahlawanan, kesetiaan dan rasa cinta kepada bangsa, negara dan agama terus diwarisi sehinggalah kita mencapai kemerdekaan.

4. Kita semua maklum, walaupun kemerdekaan yang kita capai bukannya di tuntut dengan darah, tetapi pengorbanan yang ditempuh oleh para pejuang kemerdekaan ketika itu terlalu amat besar, tanpa mereka, siapalah kita hari ini. Kalau tidak kerana perjuangan dan pengorbanan wira-wira di zaman silam, mungkin kita pada hari ini menjadi pengemis di tanah air sendiri seperti banyak yang berlaku di sesetengah negara di dunia; rakyat terus miskin, hidup terbiar dan ramai yang mati akibat kebuluran. Kita amat bersyukur dan bertuah menjadi rakyat Malaysia, kerana walaupun negara kita kecil, tetapi dunia menghormati kita dan banyak juga yang iri hati. Kenapa banyak yang iri hati dengan melemparkan pelbagai fitnah? Kerana kita, satu bangsa yang bermaruah dan mempunyai harga diri. Kita bina negara dengan tenaga sendiri tanpa mengemis dan mengikut telunjuk orang lain. Kita hidup rukun dan damai, semua bangsa bersatu padu dan mempunyai cita rasa yang sama iaitu ingin membina sebuah masyarakat Malaysia yang bermaruah dan berdaulat.

Tuan-tuan dan puan-puan,

5. Walau bagaimanapun, kita rasa amat sedih dan kecewa, setelah kita maju, setelah kita hidup senang- lenang, ramai yang cepat lupa daratan, segala jasa dan pengorbanan para pejuang dan pemimpin negara yang meletakkan nyawa sebagai taruhan demi kepentingan masa depan bangsa dan tanah air cepat dilupakan. Yang paling menyedihkan sekali, setelah mendapat kuasa dan kekayaan dari bumi yang mereka pijak dan langit yang mereka junjung, kerana berajakan nafsu, mereka sanggup mencemuh dan meludah bangsanya sendiri dan perbuatan yang paling hina ialah mengemis dari kuasa-kuasa asing untuk menjahanamkan negara dan bangsa sendiri.

6. Mereka menabur pelbagai fitnah, mereka menghasut rakyat termasuk mengheret para pelajar untuk menjadi penyokong mereka untuk membuat huru-hara dan sebagainya. Ini merupakan satu kerja yang amat memalukan, kerana setiap tahun kerajaan membelanjakan wang ratusan juta ringgit bagi memastikan proses pembelajaran di negara ini dapat berjalan dengan baik, kerana kita tahu para pelajar inilah nanti akan menjadi pewaris dan penentu masa depan masyarakat Malaysia yang cemerlang.

7. Saya ingin merayu kepada para pelajar dan ibu bapa khususnya kaum remaja, cubalah berfikir secara rasional. Apakah untungnya terlibat dengan golongan-golongan yang tidak bertanggungjawab ini. Mereka mempunyai agenda-agenda yang tersendiri bagi mencapai kepentingan yang mereka cari. Jika sekiranya berlaku sesuatu kepada diri kita dan anak-anak kita kerana negara kita ada undang-undang, yang salah akan di hukum, apakah golongan pengacau ini akan datang membantu? Apa yang dapat mereka berikan apabila kita kehilangan pekerjaan atau di buang sekolah? Sedangkan mereka hidup senang lenang, anak-anak mereka sendiri dapat belajar dengan baik, kalau tidak di sekolah kerajaan mereka boleh menghantarnya ke kolej-kolej swasta kerana mereka banyak wang hasil daripada kemakmuran dan kekayaan di negara ini.

8. Saya percaya, sebahagian besar daripada anak-anak silat lincah yang ada di depan kita pada petang ini terdiri dari para pelajar, ingatlah bahawa, kamu semua adalah perwaris bagi menentukan kecemerlangan bangsa dan negara di masa akan datang. Jika sekiranya hari ini kamu tersilap langkah, negara dan bangsa tergadai di masa akan datang, janganlah kamu persalahkan kami para pemimpin hari ini.

9. Untuk menentukan perkara ini tidak akan berlaku di masa akan datang, kita semua mesti sama-sama bertanggungjawab. Kita mesti ingat, kejatuhan kerajaan melayu melaka pada tahun 1511 tidak akan berulang lagi. Negara yang kita bina dengan darah dan air mata ini mesti kita pertahankan ketitisan darah yang terakhir. Melaka jatuh bukannya kerana orang melayu ketika itu lemah, tetapi jatuh kerana ada pembesar-pembesar melaka sendiri kerana tamakkan kuasa dan harta kekayaan sanggup menjadi petualang musuh.

10. Rupa-rupanya petualang yang menjatuhkan kerajaan melayu melaka di abad yang ke 16 itu berlaku lagi pada hari ini. Mereka sanggup memaki hamun mencaci dan memburuk-burukkan negara sendiri, mereka sanggup menjadi pengemis. Meminta kuasa asing campur tangan. Ini semua satu perbuatan yang cukup hina. Apakah kita semua ingin berpeluk tubuh dan membiarkan sahaja petualang-petualang ini bermaharajalela sehingga sekali lagi kita menjadi bangsa yang melarat dan terpaksa menjadi pengemis di tanah air sendiri? Saya yakin kita sebagai seorang warganegara yang bertanggung-jawab, tentu sekali tidak merelakan hal ini berlaku. Maruah dan kedaulatan negara ini mesti kita pertahankan. Kerajaan barisan nasional di bawah kepimpinan YAB Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad berikrar, akan mengepalai jutaan rakyat di negara ini bagi mempertahankan setiap inci bumi Malaysia ini daripada di ganggu-gugat oleh sebarang kuasa asing.

11. Peristiwa hitam 1511, tidak akan berulang lagi, insya allah. Walau bagaimanapun rakyat harus sedar dan menguatkan semangat dalam diri masing-masing supaya tidak mudah teracun ataupun terpengaruh dengan dakyah parti-parti pembangkang yang mana kita semua sekian maklum, niat dan agenda mereka iaitu mencari kepentingan diri sehingga sanggup menyentuh hal-hal sensitif yang boleh mengancam keamanan negara. Saya yakin, rakyat Malaysia hari ini sudah cukup

berilmu, tentunya mereka tidak cepat melatah kerana kita semua cukup sedar, untuk menjadi satu bangsa yang kuat dan hidup dalam sebuah negara yang maju, keamanan dan keharmonian rakyat mesti dipertahankan. Jika huru-hara berlaku, rakyatlah yang menjadi mangsa. Kita lihat di Kosovo, di beberapa negara di Afrika dan jiran terdekat kita, Indonesia, bagaimana rakyat yang tidak berdosa menjadi mangsa, berpindah-randah, berbunuh-bunuhan, kebuluran dan macam-macam lagi.

12. Kita rakyat Malaysia amat bersyukur, walaupun negara kita dilanda pelbagai kegawatan, kemelut ekonomi, politik dan gejala sosial, tetapi kita tetap utuh. Ekonomi negara semakin pulih, ini semua kerana keikhlasan dan keunggulan pucuk pimpinan yang meletakkan kepentingan rakyat lebih dari segala-galanya.

Terima kasih.